





MINAT PELAJAR TINGKATAN 4 TERHADAP MUZIK TRADISIONAL GAMELAN DI SALAH SEBUAH SEKOLAH PROJEK.

NOOR IZAH BINTI AHMAD DIN



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan meninjau minat pelajar Tingkatan 4 terhadap muzik tradisional gamelan Terengganu di salah sebuah sekolah projek di Shah Alam, Selangor. Instrumen kajian yang telah digunakan untuk mendapatkan maklumat ialah soal selidik data yang telah diproses menggunakan program 'Statistical Packages For The Social Science' (SPSS) bagi mendapatkan frekuensi, min, piawai dan peratusan.

Hasil kajian mendapati pelajar-pelajar Tingkatan 4 pendidikan muzik ini menunjukkan minat terhadap muzik tradisional gamelan dan bercita-cita menjadi pelapis kepada pemuzik gamelan untuk masa hadapan. Disamping itu juga didapati faktor-faktor yang dikemukakan seperti guru, keluarga, persekitaran dan rakan sebaya memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi minat pelajar terhadap muzik tradisional gamelan. Hasil kajian ini diharapkan akan menjadi panduan kepada pihak-pihak tertentu dalam membantu meningkatkan mutu pengajaran dan minat pelajar seterusnya pencapaian generasi muda dalam memperkembangkan muzik tradisional gamelan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

v

ABSTRACT

This research intends to obtain information on the interest of form 4 student to the music traditional gamelan from one of the project school which is located in Shah Alam, Selangor. The research has been done by using the research questionnaires and were processed using the Statistical Packages Of The Social Science (SPSS) to get the frequency, percent, mean and standard deviation.

The research result shows that the form four students were interested in music traditional gamelan and also ambitious to take over the music gamelan in future. Besides there were a few factors that effect the interest of the students such as environment, friends, family and teachers. The research result will help those peoples who were responsible to upgrade the teaching method, student interest and to develop the young generations future in traditional music of gamelan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACK	v

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	3
1.4 Tujuan Kajian	7
1.5 Persoalan Kajian	8
1.6 Rasional Kajian	8
1.7 Kepentingan Kajian	10
1.8 Batasan Kajian	11
1.9 Definisi Istilah	12



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	13
2.2	Pengertian Minat	14
2.3	Pendidikan Muzik Gamelan	21
2.4	Sikap Pelajar	22
2.5	Persekitaran	25
2.6	Minat Pelajar	27
2.7	Pengaruh Guru Terhadap Minat Pelajar	29
2.8	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Minat Pelajar Terhadap Muzik Tradisional Gamelan Terengganu.	31

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Kaedah Kajian	34
3.2	Persampelan	35
3.3	Prosedur Pentadbiran Soal Selidik Dan Pengumpulan Data	35
3.4	Instrumen	36
3.5	Ujian Rintis Dan Piawaian Instrumen	39
3.6	Prosedur Pengiraan Markah Soal Selidik	39
3.7	Prosedur Analisis Data	42

BAB 4 ANALISIS DATA

4.1	Latar Belakang Dan Ciri Umum Sampel	43
4.2	Analisis Deskriptif	44
4.3	Analisis Statistik	65
	Soalan Penyelidikan Pertama	65
	Soalan Penyelidikan Kedua	72
	Bahagian Dalam Soalan Kajian	77

BAB 5 RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN


5.1	Rumusan	80
5.2	Kesimpulan	84
5.3	Cadangan Untuk Kajian Selanjutnya	87

Bibliografi

Lampiran I

Lampiran II

BAB 1



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kajian ini adalah berkenaan dengan minat pelajar terhadap muzik tradisional gamelan Terengganu. Muzik gamelan Terengganu memang termasyhur dan mudah dipelajari, oleh itu dalam Pendidikan Muzik KBSM, gamelan Terengganu diperkenalkan. Menurut dalam petikan *Gamelan Amandidas, Gregory, opinion.html*, mengatakan gamelan mempunyai notasi yang pendek, dimana pemain boleh menghafal apabila memainkan alat muzik ini. Di sinilah bermulanya keseronokan mempelajari gamelan. Oleh itu muzik gamelan Terengganu amat sesuai diperkenalkan kepada pelajar, ini adalah kerana muzik gamelan Terengganu lebih mudah dimainkan berbanding dengan muzik gamelan Jawa (*Lambang Sari, Tari Gamelan Terengganu oleh Harun Mat Piah dan Siti Zainon Ismail*). Gamelan Terengganu ini merupakan satu ensembel yang terdiri daripada alat muzik yang diperbuat daripada tembaga dan diletakkan dalam bekas kayu yang diukir. Alat muzik gamelan Terengganu ini diperbuat dengan kraf tangan. Muziknya begitu unik dan mengasyikkan kepada sesiapa sahaja yang mendengarnya. Gamelan Terengganu ini merupakan warisan turun temurun yang telah dibawa oleh generasi yang terdahulu hinggalah ke hari ini. (*Lambang Sari, Harun Mat Piah dan Siti*

Zainon). Untuk menyelami minat pelajar dalam muzik gamelan ini, kajian yang mendalam terhadap kecenderungan pelajar sekolah ini terhadap muzik gamelan Terengganu perlulah dibuat. Terdapat beberapa faktor yang menjuruskan pelajar ini untuk meminati muzik gamelan. Oleh itu kajian akan dibuat bagi memastikan sejauh manakah pelajar ini meminati muzik gamelan Terengganu ini. Pelajar yang meminati gamelan akan menghargai dan memahami keunikan dan kemerduan bunyi melalui permainan alat muzik gamelan. (*Lillian Holtfreter*). Pelajar amat mudah untuk menguasai permainan alat gamelan, berbanding dengan orang dewasa.(*Drs.Priyo Mustiko*).

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian ini meliputi minat pelajar terhadap muzik gamelan Terengganu di salah sebuah Sekolah Menengah Projek. Didapati pelajar di sekolah ini memang didedahkan dengan muzik tradisional dalam pendidikan muzik secara formal di sekolah. Namun begitu minat pelajar ini merupakan yang paling penting bagi menentukan kecenderungan mereka ke arah muzik gamelan yang dipelajari. Menurut *ahli pendidikan Barat*, mengatakan minat adalah kecenderungan untuk memilih aktiviti tertentu. Oleh itu dalam kajian ini patut ditanamkan minat pelajar terhadap muzik gamelan. Ini adalah supaya muzik ini akan tetap kekal dan terpelihara. Disamping itu kajian ini juga akan mengenalpasti pelajar ini minat dengan muzik gamelan dan akan mewarisinya kelak sebagai pelapis. Menurut *Lathifah Musa dalam penulisannya bertajuk Kesalahfahaman Memandang Minat dan Bakat*, 2/3/05, mengatakan,

minat tidak boleh dipaksa, ianya merupakan kecenderungan seseorang untuk melakukan suatu aktiviti tertentu. Minat adalah dorongan daripada naluri yang fitri terhadap manusia. Ianya adalah dorongan daripada pemikiran yang disertai perasaan tanpa pemikiran mudah berubah sesuai dengan perubahan perasaannya. Perasaan yang tidak dikendalikan oleh adanya fikiran (bukan hasil dorongan pemikiran), mudah dipengaruhi dan berubah sesuai dengan perubahan lingkungan, fakta yang dihadapinya dan lain-lain. Dalam keadaan ini minat seseorang akan menjadi lemah dan tidak stabil sesuai dengan perubahan lingkungan. Oleh itu kajian ini akan menentukan kecenderungan pelajar ini dalam meminati muzik gamelan Terengganu ini. Muzik gamelan Terengganu begitu unik dan ianya juga dipersembahkan dengan tarian gamelan yang mempunyai gerak tari yang begitu sopan. (*Lambang Sari, Tari Gamelan Terengganu, Harun Mat Piah dan Siti Zainon Ismail*). Plato (427SM – 347SM) mengatakan, *ilmu pengetahuan yang berminat akan mencapai kebenaran yang asli.*

1.3 Pernyataan Masalah

Kebelakangan ini sering diperkatakan tentang kemodenan yang telah dibawa oleh negara barat ke Negara kita. Kesannya anak muda lebih cenderung ke arus kemodenan baik pada pakaian atau kesenian. Masalah yang hendak diperkatakan di sini ialah tentang minat generasi sekarang terhadap muzik tradisional. Muzik gamelan umpamanya telah tidak mendapat sambutan masa kini. Pada dasarnya ada beberapa masalah yang menyebabkan

berlakunya hal yang demikian. Didapati anak muda kurang minat muzik gamelan, tidak ada pelapis dan kaedah pengajaran begitu terikat kepada sukatan dan buku.

Sikap anak muda masa kini yang agak kurang meminati muzik tradisional termasuklah muzik tradisional gamelan Terengganu ini. Mereka lebih meminati muzik Barat dan moden yang kian banyak menular. Menurut kata pemain muzik gamelan Terengganu, (SUKTRA, Terengganu, Jabatan Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu) permainan muzik gamelan sekarang agak kurang mendapat sambutan kerana pengaruh daripada muzik moden. (Tun Baharom Bin Tun Razak, Pejabat Kebudayaan Negeri Terengganu). Di sini dapat kita lihat betapa kuatnya pengaruh kemodenan yang terus membawa generasi sekarang agar meminati muzik dari Barat. Dalam kenyataan oleh saudara *Salleh Long*, *SMKTAM*, penulis *Kesusasteraan Melayu STPM*, mengatakan permainan ini sudah hampir dilupakan mungkin generasi sekarang telah dipengaruhi oleh muzik dari Barat. Bunyi irama daripada alat yang dipanggil gamelan dimainkan oleh orang tua-tua sahaja. Oleh itu permasalahan inilah yang akan dikaji untuk mengetahui minat pelajar di sekolah ini terhadap muzik gamelan.

Kesenian muzik gamelan kini hampir luput kerana tidak ada generasi yang minat untuk mewarisinya. Dalam *analisis sajak* oleh saudara *Salleh Long* dalam *Kesusasteraan Melayu STPM*, *SMKTAM*, mengatakan kesenian ini hampir luput ditelan zaman. Generasi muda harus menyambung warisan tersebut dengan mempelajari seni muzik warisan ini agar kesenian muzik gamelan Terengganu ini tidak hilang lenyap ditelan zaman. Menurut beliau lagi, kita hendaklah menyambung warisan ini kerana ia merupakan sebahagian daripada identiti bangsa kita. Apa yang ingin dinyatakan di sini ialah muzik gamelan ini kian dilupakan. Generasi sekarang seperti tidak meminati muzik ini untuk dipelajari. Kajian ini ingin

mencungkil setakat mana generasi muda yang terdiri daripada pelajar sekolah ini yang tidak memberikan tindakbalas kepada masalah ini.


Kreativiti semasa pengajaran dan pembelajaran perlu ada pada guru. Guru tidak hanya terikat kepada sukatan dan buku sahaja. Menurut artikel apakabar@saltmine.radix.net, mengatakan guru perlu lebih kreatif agar pengajaran dan pembelajaran muzik gamelan ini akan menjadi lebih berkesan. Guru tidak hanya terikat kepada sukatan dan daripada apa yang ditulis sahaja. *Dalcroze, dalam bukunya yang bertajuk, Movement And Music*, mengatakan pengalaman dalam pengajaran dan pembelajaran amatlah perlu bagi pendidik muzik, jika tidak ada pengalaman, Cuma ada pengetahuan sahaja, maka pengajaran tidak akan menarik dan berkesan. Guru perlu kreatif untuk menarik minat pelajar. Pendidik perlu membuka minda dan mengetahui akan perkembangan semasa. Pendidik perlu mengetahui segala perubahan yang berlaku di sekelilingnya. Pendidik perlu tahu citarasa pelajar dalam menarik minat mereka untuk mempelajari muzik gamelan. Ini dapat dibuktikan dalam tulisan, *Music Education, the regulative ideals of the May Day Group*, oleh kumpulan May Day, mengatakan pendidik muzik perlu menceburkan diri dalam perubahan kebudayaan.

Pengaruh daripada budaya luar telah mengalih minat generasi muda daripada meminati muzik tradisional ini. Ini jelas terbukti dalam artikel *Masalah Perlindungan dan Perkembangan Muzik Tradisional oleh pakar cina dan asing oleh China Today oleh China Asean*. Artikel ini menyatakan dalam perkembangan sosial, muzik tradisional sedang menghadapi bahaya kerana telah dilupakan oleh generasi baru disebabkan pengaruh budaya luar. Muzik tradisional kini sudah hilang nilainya dan apa yang didapati sekarang ialah, generasi kini lebih mengagungkan muzik luar daripada muzik tradisional sendiri. Pengaruh daripada luar begitu kuat sekali menular dan muzik tradisional perlu diberikan

perlindungan. Perkara sebegini bukan sahaja di Negara kita malah di Negara lain pun ianya menghadapi masalah yang sama, iaitu pengaruh budaya asing telah membimbangkan masyarakat yang pentingkan muzik tradisional, ini adalah menurut Dr. Burhanuddin (1980).

Muzik tradisional gamelan kurang didedahkan kepada umum. Dalam erti kata ianya kian dilupakan sehinggakan jarang sekali persembahan muzik gamelan dipersembahkan untuk tontonan orang ramai, berbanding dengan muzik tradisional lain. Kehadiran muzik moden di masa kini sungguh memberikan cabaran kepada penonjolan muzik gamelan. Berbanding dengan suatu waktu dahulu muzik gamelan Terengganu begitu digemari oleh masyarakat pada zaman dahulu. Kehadiran matapelajaran muzik di sekolah rendah secara formal sejak tahun 1983, pun banyak memberi penekanan kepada pendidikan zaman pemerintahan British. Muzik tradisional tidak diberi penekanan dalam kurikulum muzik di sekolah-sekolah umum di Malaysia hingga ke hari ini (Pendidikan Muzik Semasa oleh Johami Abdullah, Bab 1, m/s 4). Dimana pihak yang berkuasa pada masa itu telah menentukan bahawa seorang guru yang mahir bermain piano atau mempunyai latar belakang formal dalam sistem muzik Barat ditempatkan untuk mengajar di sekolah rendah ini. Ini mungkin salah satu daripada punca kenapa muzik tradisional gamelan tidak mendapat tempat di kalangan generasi muda.

1.4 Tujuan Kajian



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

i) Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti sejauh manakah minat pelajar Tingkatan 4 di sekolah projek ini, terhadap muzik gamelan Terengganu. Kajian ini akan mengenalpasti sama ada muzik tradisional ini masih lagi diminati oleh golongan remaja . Ini memandangkan pengaruh budaya luar kian menular masuk ke dalam budaya kita. Minat pelajar ini adalah datang daripada kecenderungan mereka.

ii) Mengkaji minat pelajar ini untuk mewarisi permainan alat muzik gamelan ini sebagai pelapis di masa depan. Dimana pelajar ini minat untuk mempelajari muzik gamelan ini supaya ianya tidak luput ditelan zaman. Kajian juga akan menentukan minat pelajar ini berterusan demi untuk memelihara kesenian budaya muzik tradisional gamelan ini.



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ii) Mengenal pasti sama ada minat pelajar ini timbul dengan kaedah pengajaran yang disampaikan oleh guru. Iaitu sama ada pendidik dapat menyampaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dapat menarik minat pelajar ini. Kaji selidik dijalankan bagi mengetahui minat pelajar dengan kaedah pengajaran yang disampaikan oleh guru, dapat menarik minat pelajar tingkatan 4 di sekolah ini.

iii)Sejauh manakah persekitaran sekolah dapat mendorong minat pelajar terhadap muzik tradisional gamelan.



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

iv) Mengkaji peranan keluarga, rakan sebaya dan masyarakat dapat mempengaruhi minat pelajar terhadap muzik tradisional gamelan.

v) Mengesan minat pelajar untuk berusaha bagi menguasai permainan alat muzik gamelan ini. Pelajar akan berusaha bersungguh-sungguh untuk menguasai alat muzik ini jika mereka benar-benar meminati muzik gamelan.

1.5 Persoalan Kajian

Berikut dinyatakan soalan-soalan penyelidikan yang menjadi asas kepada kajian ini.

- i) Sejauh manakah minat pelajar Tingkatan 4 ini terhadap muzik tradisional gamelan?
- ii) Adakah mereka minat untuk mewarisi permainan alat muzik gamelan ini?

1.6 Rasional Kajian


Kebelakangan ini sering diperkatakan tentang kurangnya minat generasi muda terhadap muzik tradisional. Apakah yang menyebabkan generasi muda kurang meminati muzik tradisional gamelan? Adakah kurang pendedahan muzik ini kepada mereka? Jika

perkara sebegini berterusan maka muzik gamelan tidak akan ada pelapis untuk mewarisinya, malah apa akan terjadi kepada kesenian ini yang telah dibawa turun temurun dari zaman dahulu. Kesannya muzik tradisional gamelan ini akan luput begitu sahaja. (**Thoughts On Gamelan In Education**, by Jody Diamond (c) 2000)

Dalam sistem pendidikan muzik (KBSM) ada diperkenalkan muzik tradisional gamelan, tetapi pada asasnya pelajar ini telah diberi pendedahan kepada muzik Barat. Oleh itu kaedah yang digunakan adalah cara pengajaran muzik barat iaitu dengan membaca notasi. Selain dari itu pelajar telah diperkenalkan dengan peralatan muzik barat berbanding dengan alat muzik tradisional. Oleh itu dengan sendirinya mereka akan diterapkan dengan nilai-nilai muzik barat. Penekanan terhadap muzik tradisional tidak diberikan. (*Pendidikan Muzik Semasa*, Johami Abdullah, m/s 4). Kajian ini akan menyedarkan pelajar agar meminati dan menghargai muzik tradisional gamelan ini.

Pengajaran muzik oleh pendidik tidak semestinya bergantung hanya kepada buku semata-mata. Kreativiti perlu ada pada pendidik agar dapat menarik minat pelajar (petikan: Muatan Lokal, apakabar@saltmine.radix.net). Kajian ini akan meninjau sejauh manakah kaedah yang digunakan oleh pendidik untuk menarik pelajar agar meminati muzik tradisional gamelan ini. Dalam pengajaran dan pembelajaran pendidik perlu adakalanya mengubah lagu gamelan tanpa mengubah keasliannya untuk menarik minat pelajar. Kajian ini juga akan meninjau adakah berlaku penggubahsuaian lagu pada muzik gamelan yang diajar di sekolah ini. Berdasarkan kepada faktor-faktor ini maka kajian ini wajar dijalankan untuk mengenal pasti minat pelajar di sekolah projek ini terhadap muzik tradisional gamelan.

1.7 Kepentingan Kajian



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Selaras dengan usaha Kementerian Pelajaran Malaysia untuk melahirkan generasi yang menghargai kesenian tradisional negara, maka penerapan muzik tradisional gamelan dalam pendidikan muzik di sekolah projek amatlah sesuai sekali dilaksanakan. Dapatan mengenai minat pelajar di sekolah perlu dijadikan panduan untuk mengenal pasti tentang faktor yang mempengaruhi hubungan dengan minat pelajar terhadap muzik tradisional gamelan ini. Dengan tahap minat yang tinggi, maka masa depan muzik tradisional gamelan ini tidak perlu dikhuatirkan.

Kementerian Pendidikan Malaysia juga ingin mempertingkatkan kaedah pengajaran dalam pendidikan muzik. Oleh itu kajian ini akan meninjau sejauh manakah penyampaian dalam pengajaran yang diaplikasikan oleh pendidik muzik sekolah ini dapat menarik minat pelajar terhadap permainan alat muzik tradisional gamelan ini. Maka hasil daripada kajian ini sedikit sebanyak akan dapat memberi petunjuk dan maklumat yang berguna bagi menyedarkan pihak seperti sekolah, ibu bapa dan keluarga tentang peranan mereka dalam membantu pelajar meningkatkan minat pada muzik tradisional gamelan.

Selain daripada itu saranan daripada kerajaan agar menghargai kesenian tradisional perlu diambil tindakan. Umpamanya, Kebaya Nyonya dihidupkan kembali dengan usaha sama oleh isteri Perdana Menteri, Puan Sri Hindun Mahmud. Oleh itu muzik gamelan juga patut diberi perhatian agar ianya tidak luput dengan arus moden. Kajian akan dibuat untuk memastikan sama ada pelajar di sekolah ini berminat untuk mewarisi permainan alat muzik gamelan ini.



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Dengan adanya dapatan daripada hasil kajian ini, maka pihak yang berkenaan dapat dijadikan panduan untuk menyelesaikan masalah-masalah atau pun memperbaiki kelemahan yang ada, untuk sama-sama bertindak agar muzik tradisional gamelan ini tidak dilupakan oleh generasi muda sekarang.

1.8 Batasan Kajian

Penyelidik hanya mengkaji minat pelajar-pelajar sahaja. Sampel yang digunakan ialah dibataskan hanya kepada pelajar Tingkatan 4 disalah sebuah sekolah projek di daerah Shah Alam, Selangor. Pelajar ini adalah terdiri daripada 22 orang. Segala rumusan daripada kajian ini adalah hanya daripada dapatan kajian untuk pelajar Tingkatan 4 di sekolah ini sahaja dan hanya daripada tinjauan yang dibuat untuk Tingkatan 4 sekolah ini sahaja, tidak boleh digunakan untuk membuat rumusan di sekolah-sekolah lain atau daerah lain di Selangor atau pun di Malaysia. Kejituan bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan pelajar dalam menjawab soal selidik yang dikemukakan.



1.9 Definisi Istilah

Berikut adalah definisi istilah dan rangkai kata yang diterangkan di bawah:

Sekolah Menengah Projek - Sebuah sekolah yang dipilih dan diberikan peruntukan untuk Pendidikan Muzik secara formal.

KBSM - Kurikulum Baru Sekolah Menengah.

Keunikan – Sesuatu yang dikatakan luar biasa atau lain dari yang lain.

Ensembel – Satu kumpulan muzik yang terdiri daripada pelbagai alat muzik yang berlainan ton.

Notasi – Interpretasi melodi atau alunan lagu dalam bentuk teori muzik dan panduan kepada pemuzik untuk memainkan alat muzik bermelodi.

Kraf tangan – Buatan tangan. Alat muzik gamelan adalah buatan tangan bukan daripada mesin.

Menguasai – Boleh main alat muzik.

Pendidikan muzik secara formal – Pendidikan muzik yang ada dalam kurikulum dan sukatan dan diajar di sekolah-sekolah yang dipilih.

Naluri fitri – Perasaan minat semulajadi dalam diri seseorang.

Menular – Berkembang atau merebak dengan pesatnya.

Pelapis – Pengganti kepada pemain muzik yang sudah veteran.



BAB 2

KAJIAN LITERATUR.

2.1 Pendahuluan

Kajian ini dibuat untuk mengesan minat pelajar Tingkatan 4 terhadap muzik tradisional gamelan Terengganu di sebuah sekolah projek di Shah Alam, Selangor. Pada asasnya kajian ini dibuat adalah untuk mengenal pasti tahap minat pelajar ini terhadap muzik tradisional gamelan. Pengenalan tentang muzik gamelan Terengganu yang diajar di sekolah dan juga penerangan dari segi psikologi tentang erti minat akan diterangkan dalam Bab II ini. Begitu juga dengan perbincangan mengenai teori-teori yang menyokong tentang kajian ini. Terdapat juga beberapa faktor yang mempengaruhi minat pelajar ini antaranya ialah sikap pelajar, minat pelajar, persekitaran dan pengaruh guru terhadap minat pelajar.



2.2 Pengertian Minat

Minat dalam erti kata lain adalah kecenderungan seseorang itu ke atas sesuatu. Minat merupakan pokok utama dalam diri seseorang itu dalam menggerakkan naluri keinginannya. Definisi minat ialah satu kecenderungan yang semulajadi yang ada dalam diri individu itu. Minat boleh dipengaruhi dengan persekitaran. Menurut Pavlov(1849), dalam teori kelaziman klasik, ganjaran atau pengukuhan lisan dapat mengekalkan minat belajar. Di sini peranan guru amatlah penting untuk menarik minat pelajar dalam pembelajaran. Mengenai minat, pada amnya adalah kecenderungan seseorang untuk melakukan suatu aktiviti tertentu. Minat merupakan dorongan dari naluri fitri yang terdapat pada manusia, namun ianya boleh terdorong dari pemikiran yang disertai perasaan kemudian menggerakkannya menjadi satu amalan. Minat yang hanya muncul dari dorongan perasaan tanpa pemikiran mudah berubah sesuai dengan perubahan perasaannya. Oleh itu perasaan yang tidak dikendalikan oleh adanya fikiran (bukan hasil dorongan pemikiran), mudah dipengaruhi dan berubah sesuai dengan perubahan perasaan. (Kesalahfahaman Minat Dan Bakat, Lathifah Musa, 2 Mac 2005)

Menurut John Dewey(1859), penyertaan pelajar dalam setiap aktiviti pengajaran akan membuatkan pelajar merasa dihargai dan berminat. Pelajar akan rasa diri mereka penting dan dihargai oleh guru dan rakan mereka jika mereka dapat menyertai sesuatu aktiviti yang dijalankan di sekolah. Di samping dapat menanamkan minat mereka terhadap aktiviti yang dijalankan. Umpamanya permainan muzik tradisional gamelan.



Menurut Wittrock (1978) faktor yang menentukan pembelajaran ialah sifat atau

minat pelajar itu sendiri, pengetahuan sedia ada, motivasi dan pelbagai tugas pembelajaran. Minat memainkan peranan yang amat penting kepada pelajar dalam menentukan sama ada pembelajaran itu berlaku. Tanpa minat, pelajar tidak boleh menerima pembelajaran yang diajar oleh guru. Minat dalam mempelajari muzik tradisional gamelan akan lahir dari dalam diri pelajar itu sendiri mengikut berapa kuat pengaruh yang dimotivasikan kepada pelajar.

Teori Behaviorisme oleh Skinner (1985), menyatakan set induksi penting bertujuan untuk menarik minat pelajar (Jurnal :Teori Pembelajaran,Tugasan 4 .htm). Oleh itu guru berperanan memulakan pengajaran dengan sesuatu yang dapat menarik minat pelajar, terutamanya dalam mengenali muzik gamelan. Permulaan pengajaran adalah bergantung kepada guru dalam mana cara yang digunakan agar pelajar merasa berminat untuk mendengar seterusnya pengajaran yang akan disampaikan oleh guru. Permulaan pengajaran boleh disesuaikan dengan pelbagai kaedah yang dapat menarik minat pelajar.

Teori konstruktivisme pula menggalakkan pelajar berinteraksi secara aktif dan positif dalam kumpulan agar dapat menarik minat pelajar. Cara begini akan dapat menambahkan pengalaman dan pengetahuan pelajar melalui rakan sebaya mereka dan rujukan daripada guru. Penyuaaran idea-idea sendiri dalam satu kumpulan kecil dan latihan secara berkelompok mungkin akan memudahkan proses pembelajaran dan akan menarik minat pelajar untuk mempelajari muzik tradisional gamelan ini.



Dalam teori Pembelajaran Koperatif pula menggalakkan penglibatan dalam aktiviti kumpulan kecil supaya dapat membangunkan kemahiran berfikir aras tinggi dan memantapkan kebolehan individu serta minat untuk mengaplikasikan pengetahuan. Di sini minat untuk mendapatkan kemahiran dengan sendirinya akan timbul, di mana pelajar akan merasa diri mereka penting dalam memberikan pendapat untuk mendapatkan kemahiran sesama rakan sebaya mereka. Bertukar-tukar kemahiran dan bakat yang ada akan memupuk minat yang mendalam kepada pelajar.

Teori Kemahiran Berfikir oleh Sternberg, iaitu menganalisa, kreativiti dan rumusan boleh digunakan pada permulaan pengajaran pendidikan muzik tradisional ini agar dapat menarik minat pelajar. Permulaan kepada pengenalan atau pun pendedahan muzik gamelan ini amatlah penting. Permulaan untuk pengenalan ini akan menentukan sama ada pelajar akan terus meminati muzik gamelan ini atau pun sebaliknya. Satu perancangan daripada guru perlu ada agar implementasi minat pada muzik tradisional ini dapat ditanamkan kepada pelajar.

Dalam Teori Konstruktivisme, Strategi Tunjuk Cara, teknik ini membiasakan pelajar dengan prosedur yang mereka perlu ikuti semasa membuat latihan. Mereka akan lebih berminat dan memahami apa yang mereka telah pelajari. Cara ini pelajar dapat mengaplikasikan segala teknik yang telah dipelajari semasa membuat latihan. Guru hanya menunjukkan cara atau pun teknik yang betul kepada pelajar. Pelajar akan merasa lebih yakin dan akan cepat mendapat kemahiran dengan cara begini.

Menurut Howard Gardner (1985), kecerdasan muzik memang ada pada setiap individu, di mana ritme denyut jantung merupakan tanda bahawa manusia sebenarnya sudah dilatih untuk memiliki kecerdasan muzikal sejak dari dalam kandungan ibu. Oleh

itu minat individu pada muzik tetap ada, Cuma tarikan untuk meminati kearah sesuatu jenis muzik itu patut diusahakan, umpamanya meminati muzik tradisional gamelan.

Individu terutamanya remaja sememangnya sudah ada naluri minat dalam diri mereka tetapi dorongan ke arah itu perlu dipupuk agar dapat disemai ke dalam jiwa mereka. Menurut Gardner, kecerdasan muzikal dapat ditingkatkan dengan latihan, umpamanya dengan mendengar dan merespon terhadap bunyi, menikmati bunyi-bunyian dari suara alam dan mempelajarinya, mengembangkan kemampuan memainkan alat muzik dan juga dengan mengembangkan minat untuk berkarya di bidang muzik.

Menurut Dr, Murti Bunanta SS,MA. Dalam artikel Anak Dan Minat Budaya Di manakah Usaha Dan Tanggungjawab Kita? (2003). Mengatakan “ *Saya yakin anak dari golongan manapun sesungguhnya dapat mencintai dan bangga akan kebudayaan sendiri bila mereka memang diberi jalan untuk itu*”. Di sini jelas menunjukkan pelajar atau golongan remaja memang berminat dengan muzik tradisional jika di beri peluang ke arah itu. Golongan ini mudah dibentuk dan dipengaruhi. Oleh itu ini adalah selaras dengan Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah memperkenalkan Pendidikan Muzik kepada sekolah-sekolah. Terdapat pembelajaran muzik tradisional dalam sukatan pelajaran. Cara ini dapat memupuk golongan remaja untuk mewarisi dan mencintai budaya sendiri.

Menurut teori Naturalisme, sikap pelajar terhadap apa yang dipelajarinya amat penting bagi pendidik-pendidik naturalis, bagi mereka seseorang pelajar boleh belajar dengan baik sekali tentang perkara yang diminati atau dihayati. Pelajar akan mudah menguasai sesuatu pembelajaran apabila mereka berminat dan ada kecenderungan ke arah itu. Oleh itu untuk menarik minat pelajar amatlah penting dalam penyampaian pengajaran.

Pada pertengahan tahun 1990, muzik tradisional telah dimasukkan sebagai lagu-lagu tambahan KBSR. Pada Februari 1990, satu simposium diadakan di MPIK, untuk merancang satu pelan induk untuk memulakan beraneka bentuk muzik tradisional di beberapa buah sekolah yang terpilih di seluruh Malaysia sebagai aktiviti kokurikular. Jenis muzik tradisional telah dipilih. Ini ada kesinambungannya dengan salah satu daripada objektif pendidikan muzik iaitu, seperti yang terkandung dalam Education in Malaysia (1985, hlm.135) yang diterbitkan oleh Bahagian Penyelidikan dan Perancangan Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia ialah objektif pendidikan muzik adalah, untuk mewariskan budaya Negara serta kebolehan untuk memperkayakan lagi budaya Malaysia kepada generasi muda.

Selaras dengan objektif pendidikan muzik, tajuk Matlamat dan Fungsi Muzik Dalam Pendidikan (Pendidikan Muzik Semasa, Johami Abdullah) pula, ialah untuk memperkenalkan warisan budaya kebangsaan serta identiti Malaysia amat perlu, maka pembelajaran muzik tradisional kita secara formal banyak membantu dalam aspirasi kebangsaan ini. Sehubungan dengan itu, Colwell (1992), mengatakan terdapat juga banyak kaitan yang positif antara pelbagai gagasan “kendiri” dengan sikap, minat dan penglibatan muzik. Untuk menghasilkan generasi yang berkemahiran dalam muzik tradisional ini maka kandungan sendiri sikap, minat dan penglibatan muzik perlu seimbang.

Menurut Mohd Taib Osman (1984), Budaya tradisional merupakan satu sistem yang hidup (on – going system) dan ia mempunyai ciri-ciri persambungan dan ciri-ciri perubahan - iaitu ciri-ciri persambungan adalah landasan untuk budaya itu terus hidup sementara ciri-ciri perubahan penyesuaian dengan keadaan semasa. Dengan lain